

13 OCT 2003

OIC-Syed Hamid

MALAYSIA MAHU OIC BERGERAK IKUT ZAMAN, JANGAN BERCAKAP SAHAJA

PUTRAJAYA, 13 Okt (Bernama) -- Malaysia, pengerusi baru Pertubuhan Persidangan Islam (OIC), mendesak badan itu supaya bergerak mengikut zaman dan menonjolkan perspektif Islam bagi peristiwa dan isu yang melibatkan dunia Islam.

Menteri Luar Datuk Seri Syed Hamid Albar berkata OIC dilanda kepincangan akibat ketinggalan zaman dan kegagalan menonjolkan kepentingan Islam.

"Adalah malang bagi pertubuhan 57 anggota itu pincang akibat ketiadaan iltizam politik untuk menghapuskan halangan-halangan dalam menangani isu-isu mendesak," kata Syed Hamid.

Beliau berucap pada pembukaan mesyuarat persediaan peringkat menteri menjelang sidang kemuncak OIC ke-10 di Pusat Konvensyen Putrajaya di sini hari ini.

OIC juga berhadapan dengan masalah akibat keupayaan kewangan yang terhad bagi melaksanakan pelbagai ketetapan dan kesukaran memastikan negara anggota menunaikan tanggungjawab mereka daripada segi kewangan.

Mesyuarat peringkat menteri dua hari itu yang dipengeruskan Syed Hamid akan menerima pakai agenda muktamad untuk sidang kemuncak pemimpin OIC pada Khamis dan Jumaat.

Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad akan mempengerusikan sidang kemuncak itu, iaitu yang pertama berlangsung di rantau Asia-Pasifik sejak OIC ditubuhkan pada 1969.

Syed Hamid berkata terdapat keperluan bagi OIC untuk beralih dari sekadar retorik, seperti yang dinyatakan menerusi resolusi yang diterimapakai selama ini.

"Malaysia berkeyakinan bahawa menerusi hala tuju yang lebih jelas, kita boleh menjadikan umat Islam lebih kuat dalam menghadapi cabaran global," katanya.

Beliau berkata pemimpin-pemimpin OIC bertemu di sini pada masa umat Islam berhadapan dengan cabaran-cabaran hebat seperti ancaman unilateralisme, globalisasi dan keganasan, situasi tidak selamat di Asia Barat dan ketidaktentuan masa depan Iraq.

"Negara-negara Islam telah diketepikan. Lebih buruk lagi, kita terus dikuasai oleh kuasa-kuasa besar.

"Semua ini berlaku dalam dunia yang dilanda pertikaian, konflik dalaman, perselisihan etnik, penyakit berbahaya dan penguasaan asing," katanya.

Syed Hamid berkata pendudukan asing di Iraq perlu ditamatkan secepat mungkin seperti yang dikehendaki oleh rakyat Iraq.

Kuasa-kuasa yang menduduki perlu mengusahakan dengan bersungguh-sungguh agar sebuah kerajaan yang dipilih secara demokrasi dapat ditubuhkan dalam tempoh masa yang menasabah, katanya.

"Oleh itu adalah menjadi tugas kita untuk membantu rakyat Iraq bagi mendapatkan semula kedaulatan dan maruah mereka.

"Hak bagi menentukan masa depan dan nasib negara mereka serta mengawal kekayaan dan sumber semulajadinya perlu dikembalikan semula kepada rakyat Iraq," katanya.

Isu Iraq dijangka menguasai perbincangan pada sidang kemuncak ini selain kekejaman Israel yang berterusan terhadap rakyat Palestin dan serangan udaranya yang terbaru ke atas Syria.

Dalam mendukung prinsip multilateral, PBB perlu diberikan peranan utama

membantu rakyat Iraq bagi menentukan masa depan dan membina semula negara mereka, kata Syed Hamid.

Beliau menggesa negara-negara anggota OIC supaya memanjangkan sokongan tidak berbelah bahagi mereka kepada kerajaan dan rakyat Syria serta Lebanon dalam mempertahankan kedaulatan dan maruah mereka semasa menghadapi tindakan ketenteraan Israel.

"Tindakan ganas dengan menceroch Syria, salah sebuah anggota OIC, perlu dikutuk dengan lantang sebagai provokatif, bongkak dan berbahaya," katanya.

Israel perlu segera menghentikan serangan ketenteraan dan semua tindakan kekejaman, kekerasan, provokasi, hasutan serta kemusnahan dalam wilayah Palestin yang diduduki.

Sambil menyifatkan keadaan di Palestin sebagai "buruk", Syed Hamid berkata kempen ketenteraan Israel yang kejam, provokasi dan kemusnahan terhadap kediaman rakyat Palestin akan membawa kepada peningkatan pergolakan dalam suasana yang mudah berubah itu.

Beliau berkata OIC juga perlu turut sama memberi perhatian terhadap ancaman Israel ke atas keselamatan pemimpin Palestin Yasser Arafat.

Keputusan Israel untuk "menghapuskan beliau" jelas merupakan suatu tindakan keganasan dan melanggar undang-undang antarabangsa, katanya.

"Kami mendesak Israel supaya berhenti dan membatalkan keputusannya untuk meneruskan sebarang tindakan mengusir, memaksa pengunduran malah menyingkirkan Presiden Arafat memandangkan langkah itu akan lebih menyukarkan keadaan yang sudah sedia meruncing," katanya.

Negara-negara anggota perlu mengambil usaha-usaha bersatu ke arah menstrukturkan semula OIC dengan memperbaiki kecekapan Sekretariat Am yang berpusat di Jeddah, katanya.

Syed Hamid juga menggesa negara-negara anggota supaya menerima laporan Setiausaha Agung OIC mengenai penstrukturkan semula Sekretariat An.

Beliau berkata kerjasama perdagangan dan ekonomi perlu dipertingkatkan bagi merapatkan perbezaan ekonomi di antara negara anggota OIC yang lebih maju dengan negara anggota OIC yang akan mundur.

-- BERNAMA

RV MKO AAM ROS